

BERITA: Peruntukan RM5.05 Juta Naik Taraf Kampung Budaya Terengganu



TDM Berhad Miliki Dua Loji Biogas

Hafiz Rosli | 28 Mei 23 11:19 PTG | 254

Utama Ekonomi

KEMAMAN, 29 Mei – TDM Berhad (TDM) melalui anak syarikatnya, TDM Plantation Sdn. Bhd. kini memiliki dua loji Janakuasa Biogas yang telah berjaya dihidupkan dan beroperasi sepenuhnya.

Setiausaha Kerajaan Terengganu, Tengku Seri Bijaya Raja berkata kedua-dua Loji Jana kuasa Biogas itu terletak di Kampung Padang Kubu di sini dan Sungai Tong, Setiu.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan mencemar duli merasmikan Loji Janakuasa Biogas bertempat di Loji Janakuasa Biogas TDM, Kemaman di sini semalam.



Keberangkatan tiba baginda disambut, Menteri Besar, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan negeri.

Tengku Seri Bijaya Raja berkata, kesemua Loji Jana Kuasa tersebut bernilai hampir RM50 juta yang menggunakan sistem lagun tertutup itu mampu menjana 2 MegaWatt (MW) setiap jam ke grid Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Di samping, dapat menghasilkan 29,784,000 kilowatt per jam (kWj) tenaga boleh diperbaharui setiap tahun.

"Loji Janakuasa Biogas ini merupakan hasil kerjasama antara TDM dan Concord Biotech Sdn. Bhd. yang bermula pada tahun 2019.



"Kedua-dua pihak ini bekerjasama dalam membangun, mengendali dan mengekalkan penjaanaan kuasa berasaskan tenaga yang boleh diperbaharui," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Loji Janakuasa Biogas semalam.

Tambah Bijaya Raja, Biogas merupakan sejenis gas yang dijana melalui pencernaan bahan-bahan organik dan boleh digunakan sebagai bahan bakar kenderaan atau sebagai pengganti gas asli bagi proses penjaanaan tenaga elektrik.

"Pembinaan Loji Biogas ini merupakan salah satu strategi TDM bagi mengoptimalkan pengurusan rawatan effluen kilang sawit, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yg terhasil daripada sistem rawatan effluen Kilang sawit.

"Sekali gus, mengurangkan jejak karbon (carbon footprint) dalam menuju ke arah memacu pembangunan mampan.

"Pelaksanaan inisiatif berdasarkan teknologi hijau ini akan dapat memastikan penjagaan alam sekitar yang mampan serta mengukuhkan lagi sistem rawatan olahan kilang Sawit yang sedia ada supaya tidak mencemarkan alam sekitar," ujarnya.

Beliau berkata, Loji Biogas ini juga akan Meningkatkan penjaanaan tenaga boleh diperbaharui bagi menjamin bekalan tenaga negara yang mampan Pada masa hadapan," ujarnya.

Sementara itu, projek ini turut menerima pengiktirafan daripada Lembaga Pembangunan Pelabuhan Malaysia (MIDA) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).



Tag:

Berita Terkini

- Cuaca Panas Puncak Induk Penyu Jantan Berkurang
- TDM Berhad Miliki Dua Loji Biogas
- Cubaan Lelaki Larikan Diri Daripada Operasi Khalwat Gagal
- Maritim Terengganu Tenggelamkan Tiga Bot Nelayan Vietnam
- Peruntukan RM5.05 Juta Naik Taraf Kampung Budaya Terengganu

PALING POPULAR

- Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu
- Gadis Terengganu Dinobat Pelajar Ketujuh Terbaik Dunia
- Ingatkan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya... Rintih Di Nor Azimi
- PKPB: Lima Sekatan Jalan Raya Di Terengganu
- Empat Kluster Baharu Muncul Di Terengganu Dalam 48 Jam

Artikel Berkaitan

- Cuaca Panas Puncak Induk Penyu Jantan Berkurang | 30 Mei 2023
- Maritim Terengganu Tenggelamkan Tiga Bot Nelayan Vietnam | 29 Mei 2023
- Peruntukan RM5.05 Juta Naik Taraf Kampung Budaya Terengganu | 29 Mei 2023
- GPFP Jaln Kerjasama Bangunkan Perladangan Hutan | 29 Mei 2023

A picture is worth a thousand words.
Follow us on Instagram.

FOLLOW TRDI

Don't miss out on the Latest News

We won't spam you and we respect your privacy.

Your Email **SUBSCRIBE**

TRDI on Youtube

Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.

SUBSCRIBE

TRDI on Facebook

LIKE

TWITTER

FOLLOW

YOUTUBE

FOLLOW